AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pesakit baharu Covid-19 di Selangor terus melonjak

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Selangor terus merekodkan pesakit baharu Covid-19 tertinggi iaitu 532 kes, meningkat hampir 100 kes berbanding sehari sebelumnya iaitu 420 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, angka itu sekali gus meningkatkan kes harian di negara ini kepada 1,371 kes dan jumlah kumulatif di seluruh negara meningkat kepada 84,846 kes.

Menurut beliau, terdapat empat lagi kematian semalam menjadikan jumlah kumulatif mangsa korban meningkat kepada 419 kes, selain merekodkan dua kluster baharu melibatkan tempat kerja dengan semuanya bukan warganegara.

"Kluster pertama ialah Kluster Solar Ria melibatkan daerah Sepang, Kuala Selangor, Gombak, Petaling dan Hulu Langat di Selangor (25 kes) manakala kluster kedua ialah Kluster Senu Setia melibatkan daerah Kepong, Kuala Lumpur (13 kes).

"Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 sebanyak 13,830 kes manakala kes sembuh sebanyak 1,204 kes," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Selain Selangor, Noor Hisham berkata, Sabah berada di tempat kedua tertinggi iaitu 283 kes diikuti Negeri Sembilan sebanyak 260 kes.



ORANG ramai mengambil kesempatan berkunjung ke tempat kegemaran masing-masing seperti di Lebuh Armenian, Georgetown, Pulau Pinang semalam selepas kerajaan membenarkan aktiviti rentas negeri bermula 7 Disember lalu. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

Menurut beliau, terdapat 114 kes positif dirawat di unit rawatan rapi dengan 62 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Masih ada 191 kluster aktif manakala dua kluster ditamatkan iaitu Kluster Benteng LD di Sabah dan Kluster Greenhill di Sarawak.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 46 kluster berlaku pertambahan kes dengan Kluster Ceram merekodkan pertambahan tertinggi iaitu 220 kes, Kluster Tapak Bina Muda (143 kes) dan Kluster Teratai (81 kes)," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Noor Hisham menjelaskan, definisi kontak rapat yang digunakan Kementerian Kesihatan adalah mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Namun begitu, kata beliau, pihaknya akan menyemak definisi itu dari semasa ke semasa.

Berhubung tempoh kuarantin 10 hari, jelas Dr. Noor Hisham, pihaknya mempertimbangkan tempoh itu kepada mereka yang menjalani kuarantin.

Katanya, ujian saringan kali kedua akan dijalankan pada hari kelapan atau kesembilan, dan jika keputusan negatif, mereka akan dilepaskan pada hari kesepuluh.